

11/10/2002

45 pusat haemodialisis perlu siap tahun depan

Ziauddin Sharuddin

SEREMBAN, Khamis - Kabinet mengarahkan penubuhan pusat haemodialisis di 45 hospital daerah seluruh negara yang sebelum ini dirancang diwujudkan dalam tempoh lima tahun dipercepatkan kepada hanya setahun.

Pusat haemodialisis berharga RM45 juta yang akan dibina di 10 negeri itu kini diarahkan siap tahun depan dan beroperasi sepenuhnya pada awal 2004.

Sabah dan Sarawak masing-masing mendapat 10 pusat haemodialisis, diikuti Perak (lapan), Pahang (lima), Kelantan (empat), Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Johor (masing-masing dua), manakala Selangor dan Melaka (masing-masing satu).

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata mesyuarat Kabinet Rabu lalu memutuskan supaya semua 45 pusat haemodialisis itu disiapkan tahun depan.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan mengarahkan pusat haemodialisis itu ditubuhkan di semua hospital kerajaan di bandar kecil, seperti Gua Musang, Kelantan.

"Peruntukan RM45 juta itu termasuk kemudahan fizikal, pembelian mesin, melatih paramedik dan ubat-ubatan.

"Walaupun penubuhan pusat haemodialisis dan kos pengurusannya mahal, kerajaan tidak kisah membelanjakan wang untuk orang sakit, apatah lagi miskin," katanya hari ini.

Bercakap selepas merasmikan Mesyuarat Saintifik Kementerian Kesihatan-Akademi Perubatan Malaysia ke-4 di Hotel Hilton, di sini beliau berkata, kerajaan juga memberi subsidi sekurang-kurangnya RM10,000 bagi setiap pesakit kerana tidak mahu menyusahkan pesakit buah pinggang di luar bandar yang miskin.

Katanya, apabila pusat haemodialisis beroperasi sepenuhnya, pesakit buah pinggang tidak lagi terpaksa datang jauh ke bandar untuk mendapatkan rawatan.

Sebagai permulaan, setiap pusat haemodialisis mempunyai empat mesin dengan satu mesin boleh digunakan lima pesakit sehari. Pusat itu boleh beroperasi secara tiga giliran.

Beliau berkata, penubuhan pusat haemodialisis itu juga dipercepatkan berdasarkan kadar kes penyakit buah pinggang, iaitu 100 kes baru bagi setiap sejuta penduduk.

Katanya, bilangan pesakit baru dijangka bertambah antara 2,300 hingga 2,600 setahun.

Ketika ini, ada kira-kira 70 hospital kerajaan mempunyai pusat haemodialisis, manakala pertubuhan bukan kerajaan (62), klinik swasta (74), Angkatan Tentera Malaysia (sembilan) dan universiti (lima) dengan jumlah keseluruhan mesin sebanyak 2,244 dan digunakan kira-kira 7,110 pesakit.

"Kerajaan menggalakkan lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan menubuhkan pusat haemodialisis kerana tugas menyediakan rawatan ini boleh dikongsi bersama dan sedia memberikan insentif kepada mereka," katanya.

Katanya, ketika ini nisbah bilangan pesakit kepada bilangan penduduk yang mendapat rawatan haemodialisis adalah 70:1,000,000, berbanding negara maju seperti United Kingdom 90:1,000,000.

Bagaimanapun, katanya, apabila 45 pusat haemodialisis baru beroperasi, tahap perkhidmatan negara akan setanding Australia dan New Zealand.